

PANDANGAN GOLONGAN DEWASA DI DAERAH-DAERAH TERPILIH NEGERI KEDAH TERHADAP HAK KEBEBASAN BERSUARA

RUSDI OMAR

MOHD AZIZUDDIN MOHD SANI

*Fakulti Pengajian Antarabangsa
Universiti Utara Malaysia*

TEOH AI HUA

*Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia
Universiti Utara Malaysia*

ABSTRAK

Pada tanggal 20 Ogos 2001, pihak Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) telah mengeluarkan laporan rasminya mengenai perhimpunan 100,000 rakyat yang dianjurkan oleh pihak pembangkang iaitu Barisan Alternatif (BA) di Lebuhraya KESAS dan Jalan Kebun pada 5 November 2000. Hasil laporan tersebut merumuskan bahawa pihak polis bertanggungjawab terhadap beberapa pencabulan hak asasi manusia ketika perhimpunan tersebut. Pada 21 Ogos 2001, bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad telah mengkritik Suhakam dan menganggap laporan tersebut berat sebelah dan dipengaruhi pemikiran Barat serta bukan untuk kepentingan negara. Hak kebebasan bersuara khususnya melalui perhimpunan dianggap sebagai pengaruh daripada budaya Barat dan tidak sesuai diamalkan di Malaysia. Artikel ini bertujuan mengkaji kebebasan bersuara di Malaysia, khususnya dalam fokus masyarakat negeri Kedah dari sudut undang-undang, budaya politik, media, kerajaan, dan masyarakat sivil. Kajian ini dilakukan secara soal selidik ke atas tiga komponen penting iaitu pekerja sektor awam, swasta, dan ahli kesatuan kerja yang terdapat di Kedah. Kajian ini juga tertumpu di empat kawasan utama Kedah iaitu Alor Star, Kubang Pasu, Sungai Petani, dan Pendang. Hasil dapatan menunjukkan bahawa penduduk negeri Kedah mahukan amalan hak kebebasan bersuara tidak disekat melalui kawalan kerajaan dan undang-undang. Mereka ingin hak ini diperluaskan penggunaannya bagi kebaikan umum. Namun mereka tidak menerima amalan hak kebebasan bersuara secara mutlak. Pembatasan perlu ada tetapi tidak

terlalu ketat sepertimana masa kini. Yang pasti kecenderungan ini berlaku apabila rakyat mula berubah dan sedar akan kepentingan amalan hak kebebasan bersuara dan pendemokrasian yang bermakna di Malaysia.

ABSTRACT

On August 20, 2001, The Human Rights Commission of Malaysia better known as Suhakam, issued an official report on the handling by the police of a public assembly organised by opposition parties at Kesas Highway and Kebun Road on November 5, 2000. The report pointed to the fact that there have been some human rights violation committed by the police in their handling of the assembly. The former Malaysian Prime Minister, Tun Dr. Mahathir Mohamad on the following day criticised the organisation and accused the report as "biased and influenced by western thought", and thus is against the national interest. In this context, the concept of freedom of speech during the assembly may be presumed as a "western idea" and thus may not be an appropriate concept to be practised in Malaysia. The aim of this article is to highlight the concept of freedom of speech in Malaysia, particularly in the state of Kedah, seen from various perspectives such as law, political culture, media, government and the society in general. The article is based on the findings of a study conducted on members of the public and private sectors, as well as members of the various trade unions in Kedah, namely in Alor Setar, Kubang Pasu, Sungai Petani and Pendang. The result of this study indicated that the people of Kedah are in favour of a greater freedom of speech without any obstruction by the government through legislative controls. The respondents believe that the existing rights should be expanded for the sake common interest. They however do not believe in absolute freedom of speech. There should be some limitations imposed but they should not be as restrictive as they are now. Undoubtedly, there is a growing awareness among the population of the importance of the human rights and freedom of expression concepts to be nurtured for democracy to work in a credible and more meaningful manner in this country.

PENDAHULUAN

Idea kebebasan bersuara merupakan satu konsep yang menarik dalam konteks politik Malaysia kerana ia berkait rapat dengan kedudukan amalan proses demokrasi di Malaysia. Kewujudan konsep ini membawanya berhadapan dengan masyarakat dan pemerintah Malaysia yang masih menekankan pemikiran lama atau feudal. Ini kerana 'kebebasan bersuara' merupakan satu konsep asas yang berasal daripada pemikiran liberalisme di Barat. Ia mula mendapat tempat di

Malaysia semenjak era kolonial dan hingga kini masih dirasakan baru bagi budaya politik di Malaysia yang berpegang teguh kepada kesetiaan dan hormat kepada pemimpin. Walaupun idea berkenaan kebebasan bersuara ini sudah termaktub di dalam Perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan di bawah perkara 'Kebebasan Asasi' namun kedudukan kepada kebebasan bersuara tersebut amat terbatas sekali pengaplikasiannya. Ini kerana ia dibatasi oleh akta-akta tertentu iaitu Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Rahsia Rasmi (OSA), Akta Hasutan, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (AMCP), dan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU).

KEBEBASAN BERSUARA

Konsep kebebasan bersuara atau '*freedom of expression*' adalah berintikan kepada perkataan bebas atau kebebasan itu sendiri. Idea kebebasan bersuara sebenarnya ialah satu konsep dasar dalam pemikiran liberalisme berkaitan dengan prinsip utamanya tentang kebebasan individu. Ia dianggap sebagai satu jaminan kepada kebebasan individu dan masyarakat. Locke melalui bukunya yang terkenal '*The Second Treatise on Civil Government*' optimistik terhadap keadaan semulajadi manusia yang mana beliau berpendapat manusia akan beretika dan berkelakuan tertib terhadap hubungannya sesama manusia. Ini dengan sendirinya menjamin pertama, kebebasan yang setara di antara satu sama lain dan kedua, memungkinkan kerajaan dengan kuasa terhad (Susser 1995, Baradat 1997). Idea Locke kemudiannya berkembang menjadi satu idea klasik liberalisme dan idea kebebasan bersuara yang harus diamalkan oleh setiap individu di dalam sesebuah negara.¹ Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia tahun 1948, kebebasan bersuara telah diterima dalam Majlis Perhimpunan Agung PBB pada 10 Disember 1948. Ini berdasarkan Artikel 19 deklarasi tersebut yang menyatakan :

"Everyone has the right to freedom of opinion and expression; this right includes freedom to hold opinions without interference and to seek, receive and impart information and ideas through any media and regardless of frontier". (Dowrick 1984:141)²

Berdasarkan ketetapan tersebut, hak berkenaan kebebasan bersuara telah disepakati bersama sebagai satu keperluan manusia sejagat dan pencabulan ke atasnya telah ditafsirkan sebagai pencabulan ke atas hak asasi manusia itu sendiri.

Idea kebebasan bersuara mendapat tempat dalam wacana politik Tanah Melayu (Malaysia) bersama-sama dengan kedatangan idea-idea demokrasi iaitu pemerintahan berasaskan undang-undang, sistem kehakiman, dan prinsip hak kebebasan individu semasa era awalan kolonial British. Pada tahun 1948, British telah memperkenalkan Perlembagaan Persekutuan 1948 yang merupakan asas kepada pembentukan Perlembagaan Persekutuan 1957 dan bentuk demokrasi berparlimen yang diamalkan kini. Kini trend global ke arah pendemokrasian dan ditambah lagi dengan kemajuan teknologi maklumat melalui media elektronik dan internet semakin memberangsangkan perkembangan idea kebebasan bersuara di Malaysia. Setelah merdeka, jaminan kepada kebebasan bersuara terkandung pada Bahagian II Perlembagaan Persekutuan dalam Perkara 10(1) iaitu mengenai kebebasan bercakap, berhimpun dan menubuhkan persatuan yang mana menyatakan (a) tiap-tiap warganegara berhak bebas bercakap dan mengeluarkan fikiran, (b) semua warganegara berhak berhimpun secara aman dengan tidak bersenjata, dan (c) semua warganegara adalah berhak menubuhkan persatuan.

Walau bagaimanapun, kebebasan bersuara tersebut dibatasi dengan Seksyen 2 yang mana Parlimen boleh dengan undang-undang menggunakan:

“(a) ke atas hak-hak yang diberikan oleh perenggan (a) Fasal (1) apa-apa sekatan yang didapatinya perlu dan mustahak demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, perhubungan persahabatan dengan negeri-negeri lain, ketenteraman awam untuk melindungi keistimewaan-keistimewaan Parlimen atau mana-mana Dewan Negeri atau untuk mengelakkan penghinaan terhadap mahkamah, fitnah, atau perbuatan mengapi-api supaya dilakukan sesuatu kesalahan;”. (Perlembagaan Persekutuan 1999:11).

Oleh itu, peruntukan Perkara 10(1)(a) akan dijadikan pokok kepada perbincangan kajian ini dalam usaha melihat tahap kebebasan bersuara di Malaysia.

ULASAN KARYA

Bahan-bahan akademik dan bukan akademik yang secara khusus membincangkan mengenai kebebasan bersuara di Malaysia hampir tidak ada sama sekali. Kajian-kajian dan penulisan-penulisan sebelum ini hanya membincangkan berkenaan kebebasan ini sebagai

sebahagian daripada satu perbincangan luas berdasarkan tema-tema tertentu seperti demokrasi, hak asasi manusia, perlembagaan, nilai-nilai Asia, dan NGO. Misalnya, beberapa orang sarjana tempatan seperti Cheah Boon Kheng (1999), Wan Abdul Manan Wan Muda (1996), Chandra Muzaffar (1989), dan Kua Kia Soong (1998) telah cuba melihat perkembangan aliran dan amalan hak asasi manusia di Malaysia sepertimana yang dijamin oleh pendekatan demokrasi liberal khususnya dari segi hak kebebasan mengeluarkan pendapat. Mereka cuba menghuraikan aspek-aspek yang merangkumi sejarah amalan kebebasan individu yang terbatas dalam budaya politik Malaysia semenjak era Kesultanan Melayu, kolonial, selepas kemerdekaan (1957) dan masa kini.

Cheah Boon Kheng (1999) cuba melihat perihal kebebasan bersuara pada era Kesultanan Melayu yang dilihat hampir tidak wujud sama sekali kecuali yang melibatkan hubungan Sultan dengan para pembesar dan penasihat-penasihatnya. Ini kerana pemerintahan pada waktu itu masih lagi bercorak feodal atau raja berkuasa mutlak, institusi hamba masih dipraktikkan, malah wujudnya dua kelas sosial ketika itu yang mendokong kelas raja dan bangsawan serta kelas rakyat dan hamba. Di zaman feodal, istilah kebebasan bersuara dalam erti kata mengkritik dan menegur Sultan tidak wujud di kalangan rakyat biasa. Pemerintahan hanya dijalankan oleh Sultan dan golongan bangsawan.³

Era kolonial British telah memperkenalkan pemerintahan berasaskan undang-undang atau '*rule of law*', sistem kehakiman, dan prinsip hak kebebasan individu, yang mengembangkan idea-idea demokrasi. Kesan daripada pemerintahan kolonial juga telah membawa kepada satu bentuk pemerintahan Raja Berperlembagaan⁴ yang mengamalkan sistem pemerintahan bercorak demokrasi berparlimen, yang menekankan kepada satu sistem kehakiman yang lebih sistematik berdasarkan sistem kehakiman British di United Kingdom. Ini jelas dengan pengenalan Perlembagaan Persekutuan 1948 dan kemudiannya Perlembagaan Persekutuan 1957 yang merupakan perlembagaan moden yang memberikan suatu bentuk pemerintahan bagi Malaysia masa kini. Malah kedudukan kebebasan bersuara juga telah dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan berdasarkan Perkara 10 sebagai satu kebebasan asasi yang perlu ada bagi setiap warganegara Tanah Melayu (Malaysia).

Cheah Boon Kheng (1999) juga telah berjaya menghuraikan perkembangan dan susur galur perkembangan sistem perundangan serta menunjukkan asal usul kewujudan akta-akta yang dikatakan menyekat kebebasan bersuara pada masa kini. Era kolonial telah

memperkenalkan beberapa undang-undang di bawah alasan pemberontakan komunis tahun 1948 iaitu '*Emergency Regulations*' yang kemudiannya telah diambil beberapa peruntukannya menjadi ISA pada tahun 1960. Manakala '*Sedition Acts*', '*Official Secrets Acts*', dan '*Printing Presses and Publications Ordinances*' telah dipinda selepas merdeka lalu membentuk akta yang sedia ada sekarang iaitu Akta Hasutan 1948, OSA 1972, dan AMCP 1984. Walaupun perisytiharan Darurat kesan daripada pemberontakan komunis telah berakhir pada tahun 1960, golongan elit pemerintah yang berada dalam kerajaan Perikatan iaitu United Malay National Organisation (UMNO), Malayan Chinese Associations (MCA), dan Malayan Indian Congress (MIC) telah merasakan bahawa peruntukan undang-undang kolonial tadi perlu diteruskan dan cuba dipinda mengikut keperluan semasa hinggalah pada masa kini. Oleh itu, karya Cheah Boon Kheng (1999) telah menghuraikan secara tidak langsung perkembangan kedudukan dan tahap amalan kebebasan bersuara berdasarkan sistem perundangan di Malaysia.

Sementara itu, Wan Abdul Manan Wan Muda (1996) dan Chandra Muzaffar (1989) pula cuba memperlihatkan bahawa Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu Merdeka 1957 telah menjamin kebebasan bersuara berdasarkan Bahagian 2 Perlembagaan Persekutuan berkenaan Kebebasan Asasi di bawah Perkara 10(1). Namun begitu, beberapa akta iaitu ISA, OSA, Akta Hasutan, AMCP, dan AUKU yang dilihat berperanan besar dalam mempengaruhi pemikiran dan pendirian rakyat Malaysia ke arah pengaplikasian kebebasan bersuara. Wan Abdul Manan Wan Muda (1996:62-63) misalnya melihat bentuk kebebasan bersuara di Malaysia boleh diistilahkan sebagai 'kebebasan bagi segelintir' kerana kebebasan yang diperuntukkan oleh Perkara 10(1) hanya membenarkan pihak pemerintah menyatakan pendapat tanpa sebarang penapisan atau tahanan. Perihal 'kebebasan bagi segelintir' telah dijelaskan oleh Chandra Muzaffar (1989:145) dalam membincangkan bukan sahaja mengenai peranan pemerintah atau eksekutif dalam mengawal peranan media malah kedudukan parti pembangkang dan masyarakat sivil yang sering diawasi oleh pihak pemerintah. Ini bertujuan bagi menyampaikan agenda dan kepentingannya sebagaimana yang dikehendaki oleh pemerintah.

Selain itu, Kua Kia Soong (1998) pula menghujah bahawa rakyat Malaysia pada era kepimpinan bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad (1981- 2003) terpaksa berhadapan dengan undang-undang ISA, OSA, Akta Hasutan, AMCP, dan AUKU dalam menyatakan pendiriannya berkenaan sesuatu isu atau perkara yang membabitkan keadilan sosial dan pemerintahan yang terbaik. Sekiranya terdapat amalan kebebasan bersuara oleh pihak-pihak

tertentu seperti parti pembangkang, media, pelajar, dan NGO yang dilihat oleh parti pemerintah sebagai berkemampuan menggugat kedudukannya maka pihak pemerintah tidak teragak-agak melakukan tindakan ke atas pihak-pihak tadi di bawah peruntukan undang-undang tadi.⁵

Terdapat ramai tokoh penyelidik politik Malaysia yang melihat kepada masalah dan potensi keberkesanan amalan sistem demokrasi di Malaysia seperti Crouch (1996), Case (1993), Jomo K. S. (1996), dan Chandra Muzaffar (1986). Mereka meninjau dan mengkaji berkenaan bentuk dan implimentasi sistem demokrasi di Malaysia. Bentuk sistem demokrasi yang diamalkan di Malaysia jelas mengandungi pembahagian kuasa antara tiga badan utama iaitu eksekutif, perundangan, dan kehakiman, walaupun perlembagaan Malaysia memberikan kuasa dominan kepada badan eksekutif. Analisis Crouch (1996) misalnya memberikan perhatian kepada peranan badan eksekutif khasnya parti BN (UMNO, MCA, dan MIC) yang semakin luas dan munculnya kecenderungan-kecenderungan ke arah pemusatan kuasa di tangan segelintir elit politik dan ekonomi. Pandangan umum mereka, amalan demokrasi di Malaysia hanya mementingkan proses pilihan raya⁶ sehingga penghayatan terhadap nilai-nilai demokrasi yang lain seperti prinsip hak asasi manusia, pemerintahan berasaskan undang-undang, dan kebebasan sivil termasuklah kebebasan bersuara terbatas.

Case (1993) pula mengklasifikasikan politik Malaysia terutama pada era kepimpinan Dr. Mahathir sebagai '*semi-democratic*' atau separuh demokrasi kerana pihak kerajaan menekan organisasi sosial atau NGO melalui ISA, OSA, Akta Hasutan, AMCP, dan AUKU, walaupun kerajaan tidak mengharamkan para NGO tadi. Selain itu, tidak berlakunya peralihan kuasa pusat atau perubahan kerajaan yang mana semenjak pilihan raya yang pertama tahun 1955 sehingga pilihan raya ke lapan pada tahun 1990 (mahupun hingga pilihan raya ke-10 pada tahun 1999), parti yang memerintah terdiri daripada kalangan parti Perikatan yang kemudiannya pada tahun 1974 membentuk Barisan Nasional (BN). Jomo K. S. (1996:74-75) telah memperlihatkan dua cabaran demokrasi Malaysia iaitu pertama, penghakisan terhadap demokrasi Malaysia yang disebabkan pemusatan kuasa di tangan badan eksekutif telah memberi kesan langsung kepada cara pemerintahan dan tahap kebebasan bersuara di Malaysia dan kedua, wujudnya amalan 'penyewaan hak milik' oleh ahli-ahli politik yang mempunyai kepentingan perniagaan khususnya melalui media seperti akhbar 'Utusan Malaysia' dan 'Berita Harian' serta stesyen televisyen 'TV3'.

Chandra Muzaffar (1986) telah menghuraikan secara terperinci hak kebebasan bersuara yang disekat melalui akta-akta kawalan dan manipulasi pengawasan ke atas media massa dan elektronik tempatan. Akta-akta tersebut iaitu ISA, OSA, Akta Hasutan, AMCP, dan AUKU menyebabkan tanggapan meluas bahawa tiada saluran yang jelas dalam mengemukakan pendapat alternatif terhadap arus utama apatah lagi kritikan ke atas dasar-dasar dan tindakan-tindakan pihak pemerintah. Contohnya, perihal penggantungan permit akhbar-akhbar seperti 'The Star', 'Sin Chew Jit Poh', dan 'Watan' kesan daripada 'Operasi Lalang' pada tahun 1987 telah menjelaskan langkah batasan pihak pemerintah ke atas akhbar yang bersikap kritikal terhadap pihak pemerintah dalam membicarakan sesuatu isu.⁷ Crouch (1996:95) pernah menyatakan :

"Although the government permitted a substantial degree of political freedom, it was always ready to intervene whenever opposition rose to the point where it could begin to threaten the government's grip on political power".

Kerajaan akan mengawal kedudukan tahap kebebasan bersuara apabila timbulnya isu-isu atau perkara-perkara yang boleh menggugat kedudukan parti pemerintah BN.

Selain itu, beberapa pandangan cuba diungkapkan oleh Mahathir Mohamad (1999), Robison (1996), Mendes (1994), dan Mauzy (1997) tentang nilai-nilai Asia yang dianggap membenarkan batasan ke atas kebebasan bersuara. Di Malaysia, idea atau pemikiran mengenai nilai-nilai Asia ini dipelopori oleh Dr. Mahathir Mohamad (1996; 1999). Dr. Mahathir menghujahkan perlunya had terhadap kebebasan bersuara demi matlamat mewujudkan kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi Malaysia. Mahathir pernah menjelaskan :

"For Asians, the community, the majority comes first. The individual and the minority must have their rights but not at the unreasonable expense of the majority. The individuals and the minority must conform to the mores of society. A little deviation may be allowed but unrestrained exhibition of personal freedom which disturbs the peace or threatens to undermine society is not what Asians expect from democracy". (World Youth Foundation 1999:105)

Kedua-dua karya Robison (1996) dan Mauzy (1997) cuba memperlihatkan bahawa kepimpinan Dr. Mahathir dalam membicarakan berkenaan kebebasan dan demokrasi, cuba

menunjukkan bahawa ciri-ciri penduduk Malaysia yang pelbagai kaum telah menyebabkan sukarnya kebebasan bersuara diamalkan kerana adanya kecenderungan berlaku perselisihan antara kaum itu sekiranya hak kebebasan telah disalahgunakan dengan mengugut atau menghina kaum-kaum yang lain secara terbuka. Di atas rasional hujahan tadi, hak kebebasan individu melalui kebebasan bersuara dibatasi oleh pihak pemerintah melalui akta-akta ISA, OSA, Akta Hasutan, AMCP, dan AUKU terutama melalui isu-isu sensitif yang melibatkan hubungan ras atau kaum. Ia bertujuan untuk mengelakkan daripada berlakunya ketegangan kaum. Secara luarannya, Malaysia masih mengamalkan struktur perlembagaan demokrasi dan pemerintahan yang bercorak demokrasi berparlimen. Namun beberapa proses terpenting demokrasi seperti pemerintahan berasaskan undang-undang, kebebasan bersuara, kebebasan akhbar, dan keadilan sosial telah dibatasi oleh pihak pemerintah demi menjaga kestabilan politik Malaysia.

Mendes (1994) pula memperlihatkan amalan nilai-nilai Asia di Malaysia sebagai '*The Mahathir Model*' atau '*Model Mahathir*' yang lebih memfokuskan kepada perlunya satu autoriti yang kuat serta hak keluarga dan masyarakat diutamakan di samping sekatan boleh dilakukan ke atas peranan aktif masyarakat sivil atau NGO, amalan demokrasi, prinsip pemerintahan berasaskan undang-undang, dan kebebasan akhbar (media). Oleh itu, nilai-nilai Asia telah mengabsahkan tindakan-tindakan Dr. Mahathir di dalam pemerintahannya di atas kepentingan keharmonian hubungan kaum, kemajuan ekonomi, dan pembangunan infrastruktur.

Kesimpulannya, gelintiran kesusasteraan ini tidak menjurus terus perbincangan mengenai topik kajian ini iaitu kebebasan bersuara di Malaysia. Ini kerana gelintiran kesusasteraan tersebut lebih berupa satu bentuk kajian yang lebih luas namun di dalamnya terkandung perbincangan mengenai hak kebebasan bersuara. Oleh itu, kajian-kajian tadi amat berguna sebagai panduan dan rujukan dalam menjalankan penyelidikan berkenaan kebebasan bersuara di Kedah ini.

Permasalahan yang timbul ialah pertama, apakah idea kebebasan bersuara pada pandangan penduduk Kedah. Kedua, apakah rintangan-rintangan terhadapnya, ketiga, apakah yang termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia, keempat, apakah tindakan-tindakan rakyat Kedah untuk mendaualatkan konsep ini, dan kelima, apakah masalah-masalah penghayatannya di Malaysia pada pandangan penduduk Kedah?

Secara umum, kajian ini ialah bertujuan untuk meninjau persepsi penduduk negeri Kedah terhadap amalan kebebasan bersuara di Malaysia. Secara khususnya, objektif kajian adalah seperti berikut:

1. untuk melihat hubungan undang-undang dengan hak kebebasan bersuara (BS).
2. untuk mengkaji hubungan peranan media dengan BS.
3. untuk meneliti hubungan peranan kerajaan dengan BS.
4. untuk mengkaji hubungan peranan masyarakat sivil dengan BS.
5. untuk melihat hubungan budaya politik dengan BS.
6. untuk melihat perbezaan demografi responden dengan BS.

Setiap objektif-objektif ini akan ditentukan peranannya terhadap kebebasan bersuara oleh penduduk negeri Kedah.

Kajian ini berkisar kepada situasi dan senario politik yang memperlihatkan suasana semasa amalan kebebasan bersuara, khususnya dalam era kepimpinan bekas Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad terutamanya pada tahun 2002. Fokus utama adalah hak kebebasan bersuara yang termaktub dalam Peruntukan Perkara 10(1)(a), iaitu tiap-tiap warganegara adalah berhak bebas bercakap dan mengeluarkan fikiran dan ia akan dijadikan pokok kepada perbincangan kajian ini dalam usaha untuk melihat tahap kebebasan bersuara di Malaysia. Namun kajian ini akan meninjau terhadap persepsi penduduk negeri Kedah berkenaan hak kebebasan bersuara. Skop kawasan hanya meliputi di kawasan-kawasan di sekitar negeri Kedah. Kawasan-kawasan tersebut dibahagikan kepada dua daerah iaitu Daerah Kota Star kerana terdapatnya ibu negeri iaitu Alor Star dan Kuala Muda kerana terdapatnya kawasan Sungai Petani. Selain itu, dua kawasan lain juga dipilih iaitu Pendang bandar satelit kepada Alor Star dan Jitra di Daerah Kubang Pasu yang merupakan kawasan Parlimen bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini adalah persepsi responden terhadap hak kebebasan bersuara manakala pemboleh ubah-pemboleh ubah bebas ialah faktor demografi responden serta persepsi responden terhadap kebebasan media, kawalan undang-undang, kawalan kerajaan, kemampuan masyarakat sivil dan budaya politik (Rajah 1).



Rajah 1
Kerangka Teoritikal

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian diskriptif iaitu bertujuan untuk melihat hubungan pembolehubah-pembolehubah yang berkait dengan kebebasan bersuara. Menurut Sekaran (1992), kajian diskriptif digunakan untuk menentukan dan menjelaskan ciri-ciri pembolehubah-pembolehubah dalam suatu keadaan. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan berpandukan borang soal selidik dan disokong dengan temuduga tokoh-tokoh yang berkenaan.

Sampel Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meninjau pandangan penduduk-penduduk dewasa yang bekerja terhadap kebebasan bersuara di negeri Kedah Darul Aman. Mengikut Banci Penduduk dan Perumahan 2000, terdapat

sejumlah 1,077,815 orang penduduk di negeri Kedah (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2001).

Persampelan Cluster Berperingkat (*Multistage Cluster Sampling*) telah digunakan untuk memilih sampel kajian, ini kerana senarai nama penduduk penuh tidak dapat diperolehi. Oleh yang demikian, sampel kajian telah dikenal pasti menerusi dua kriteria berperingkat iaitu kawasan (bandar/luar bandar) dan sektor pekerjaan. Daerah Kota Star dan Daerah Kuala Muda dipilih mewakili kawasan bandar, manakala Daerah Pendang dan Daerah Kubang Pasu dipilih mewakili kawasan luar bandar. Kemudian, beberapa buah organisasi telah dikenal pasti sebagai tempat untuk mendapatkan responden seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1
Organisasi-Organisasi yang dipilih untuk Persampelan

Sektor Awam	Sektor Swasta	Sektor Pertubuhan Belia
Majlis Perbandaran/ Daerah	Bank	Majlis Belia
Sekolah	Telekom Malaysia	Belia 4B
Balai Polis	Tenaga Nasional	
	Stesen Minyak	

Responden yang dipilih terdiri daripada golongan 18 sehingga 55 tahun. Bilangan sampel yang dipilih untuk kajian ini ialah seramai 300 orang. Mengikut Roscoe (1975), saiz sampel di antara 30 sehingga 500 adalah memadai untuk kebanyakan penyelidikan. Berdasarkan nisbah penduduk di daerah-daerah kajian ini, bilangan responden di setiap daerah adalah seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2
Bilangan Responden Kajian yang dipilih mengikut Kawasan

Daerah	Bilangan Penduduk	Peratus	Bilangan Responden
Kuala Muda	339 898	35	105
Kota Star	354 431	36	110
Kubang Pasu	186 265	19	58
Pendang	89 790	10	28
JUMLAH	970 384	100	300

INSTRUMEN KAJIAN

Borang soal selidik ini dibahagikan kepada 3 bahagian. Bahagian 1 berkenaan dengan maklumat demografi responden. Bahagian 2, maklumat penglibatan politik dan persatuan sosial responden, manakala bahagian 3 mengumpul maklumat mengenai pemboleh ubah-pemboleh ubah Kebebasan Bersuara (BS), Kawalan Undang-undang (UU), Kawalan Kerajaan (K), Kebebasan Media (M), Masyarakat Sivil (MS) dan Budaya Politik (BP).

Bahagian 1 adalah data-data peribadi yang diisi oleh setiap responden. Terdapat 7 soalan iaitu mengenai tempat tinggal, umur, jantina, tahap pendidikan, pekerjaan, pendapatan bulanan, dan bangsa responden. Semua soalan diberi pilihan kecuali tempat tinggal dan umur yang diisi secara bebas oleh responden.

Bahagian 2 merupakan soalan-soalan bertanyakan penglibatan responden dalam politik dan persatuan sosial. Terdapat 8 soalan yang memberi pilihan ya atau tidak. Contoh soalan-soalan adalah seperti berikut: "Adakah anda menyertai sebarang persatuan? Ya/Tidak", "Adakah anda menjadi ahli parti politik? Ya/Tidak", "Adakah anda mengikuti hal-hal politik semasa negara? Ya/Tidak".

Bahagian 3 menanyakan soalan-soalan mengenai persepsi responden terhadap pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian. Soalan-soalan dari nombor 1 hingga 18 mengenai pemboleh ubah BS, soalan 19-24 mengenai M, soalan 25-30 mengenai UU, 31-36 mengenai MS, soalan 37-42 mengenai BP, dan soalan 43-47 mengenai K. Kesemua soalan berskala Likert. Jawapan diberi markah 5 (sangat setuju) ke 1 (sangat tidak setuju).

Contoh soalan-soalan BS termasuk "Malaysia perlu meningkatkan tahap kebebasan bersuara", "Apabila kita bersuara, kita harus mengelakkan daripada bersuara tentang isu-isu sensitif". Semakin tinggi nilai BS, semakin tinggi persetujuan responden terhadap kebebasan bersuara. Contoh soalan-soalan M termasuk "Media merupakan saluran rakyat menyatakan pendapatnya", "Filem-filem yang tidak ditapis boleh mengancam keselamatan negara" (soalan negatif). Semakin tinggi nilai M, semakin tinggi persetujuan responden terhadap kebebasan media negara.

Contoh soalan-soalan UU termasuk "Undang-undang yang menghalang kebebasan bersuara diperlukan untuk mempertahankan keselamatan negara", "Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) penting

bagi menjamin kestabilan politik negara". Semakin tinggi nilai UU, semakin tinggi persetujuan responden terhadap kawalan undang-undang di negara ini. Contoh soalan-soalan MS termasuk "Menjadi ahli persatuan adalah penting bagi kehidupan masyarakat masa ini", "SUHAKAM mampu berperanan memantapkan amalan hak asasi manusia di Malaysia." Semakin tinggi nilai MS, semakin tinggi persetujuan responden terhadap kemampuan persatuan sosial.

Contoh soalan-soalan BP termasuk "Rakyat mempunyai budi bicara untuk menentukan kesahihan suatu berita atau kenyataan", "Negara yang mengamalkan kebebasan bersuara adalah negara demokratik". Semakin tinggi nilai BP, semakin tinggi persetujuan responden terhadap ideologi demokrasi. Contoh soalan-soalan K termasuk "Negara akan stabil jika mempunyai kerajaan yang stabil", "Kerajaan berhak menentukan apa yang patut diperkatakan/dilaporkan". Semakin tinggi nilai K, semakin tinggi persetujuan responden terhadap kawalan kerajaan Malaysia.

Satu prakajian telah dijalankan ke atas 85 orang pelajar tahun 2 program Pengurusan Hal Ehwal Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia untuk analisis kebolehpercayaan instrumen. Sebanyak 70 soalan yang menanyakan pemboleh ubah-pemboleh ubah bersandar dan bebas. Daripada 85 set borang soal selidik yang dikembalikan, 79 set borang soal selidik diisi dengan lengkap dan digunakan untuk ujian kebolehpercayaan. Komen-komen daripada pelajar mengenai bentuk soalan diambil dan pengubahsuaian ayat telah dilakukan. Soalan-soalan yang tidak sesuai serta yang didapati mengganggu tahap kebolehpercayaan dikeluarkan daripada kajian sebenar. Akhirnya 47 soalan sahaja yang tertinggal untuk kajian sebenar.

Kaedah alpha koeifisien (coefficient alpha, α) digunakan untuk menguji kebolehpercayaan alat ukuran BS, UU, K, MS, BP dan M (Anastasi, 1984). Untuk item-item berskala Likert, Alpha Conbrach biasa digunakan untuk menguji kebolehpercayaan (Cronbach, 1990; Rogers, 1995). Nilai α terakhir yang didapati dalam kajian ini adalah seperti Jadual 3.

Nunnally (1972) telah menyatakan dalam kajian biasa, koefisien kebolehpercayaan harus sekurang-kurangnya 0.7. Nilai α BS telah melebihi 0.7 dalam prakajian dan kajian sebenar. Pembolehubah K, MS dan BP mencatatkan nilai α yang melebihi 0.7 dalam kajian sebenar. Pembolehubah UU mencatatkan nilai α lebih 0.6 tetapi kurang 0.7 dalam kedua-dua kajian. Pemboleh ubah M pula mencatatkan

keputusan yang sebaliknya iaitu lebih 0.7 dalam prakajian tetapi 0.53 dalam kajian sebenar. Ini menunjukkan kecuali BS, bahawa item-item soalan masih perlu diperbaiki untuk mendapatkan kebolehpercayaan yang lebih konsisten. Satu kemungkinan ialah disebabkan bilangan item yang kurang dalam pemboleh ubah-pemboleh ubah ini (4-6 item) berbanding BS (18 item).

Jadual 3
Soal Selidik

Pembolehubah	Nilai α	
	Prakajian	Kajian Sebenar
Kebebasan Bersuara (BS)	0.76 (17 item)	0.87 (18 item)
Undang-undang (UU)	0.63 (6 item)	0.69 (5 item)
Kawalan Kerajaan (KK)	0.45 (4 item)	0.70 (4 item)
Masyarakat Sivill (MS)	0.63 (6 item)	0.72 (6 item)
Kebebasan Media (M)	0.74 (6 item)	0.53 (6 item)
Budaya Politik (BP)	0.54 (6 item)	0.70 (5 item)

Analisis Kajian

Data-data dianalisis dengan menggunakan pakej *Statistical Package for Social Science for Windows* (SPSS versi 10.1). Untuk maklumat demografi seperti umur, jantina, pekerjaan responden, prosedur bivariat dilakukan untuk mengenal pasti profil umum setiap data. Ujian *t*, ujian ANOVA sehalu digunakan untuk melihat perbezaan pembolehubah BS dengan faktor-faktor demografi responden manakala Ujian Korelasi Pearson digunakan untuk menguji perhubungan di antara BS dengan pemboleh ubah-pemboleh ubah tidak bersandar.

Pentadbiran Soal Selidik

Kajian sebenar telah dijalankan mulai 17 hingga 28 Februari 2002. Sebanyak 300 set borang soal selidik telah diedarkan kepada responden. Proses ini dikendalikan oleh empat orang pelajar tahun dua di empat kawasan yang telah dikenal pasti. Pelajar-pelajar berkenaan sebelum itu telah dilatih untuk mengenal pasti responden dan tatacara mengendalikan borang soal selidik. Borang soal-selidik telah diedarkan kepada responden dan dikutip selepas seminggu. Sebanyak 226 set borang soal selidik telah dikembalikan. Daripada jumlah ini, 221 set borang soal selidik yang diisi dengan lengkap digunakan untuk analisis.

HASIL DAPATAN KAJIAN

Hak kebebasan bersuara menjadi nadi penting dalam menggerakkan amalan demokrasi bagi setiap negara di dunia. Persoalan di sini ialah bagaimana dengan persepsi penduduk negeri Kedah sendiri. Dalam kajian yang dilakukan, seramai 221 orang responden telah dipilih dari kawasan-kawasan yang telah ditentukan seperti Alor Star (33.5%), Sungai Petani (31.2%), Kubang Pasu (24%), dan Pendang (11.3%). Daripada keseluruhan jumlah tersebut, jumlah majoriti komposisi kaum yang diperoleh iaitu 194 orang atau 87.8% terdiri daripada kaum Melayu. Ini kerana jumlah penduduk Kedah sendiri majoritinya adalah penduduk berketurunan Melayu yang mencapai lebih daripada 80% populasi.

Satu yang menarik daripada soal selidik ini ialah jumlah responden 'atas pagar' yakni yang tidak menyebelahi mana-mana parti politik adalah lebih tinggi iaitu 55.7%, berbanding dengan jumlah yang telah menyatakan sokongan mereka sama ada parti pemerintah Barisan Nasional (32.6%) ataupun parti pembangkang (11.8%). Ini membuktikan kajian ini tidak berat sebelah dan yang lebih signifikan lagi ialah kajian ini akan menentukan sikap pengundi atas pagar ketika pilihan raya umum ke-11 pada tahun 2004.

Jadual 4
Tahap Pendapatan

Pendapatan Sebulan	Min	N	Sisihan Piawai	F	d.f.	P
<1000	56.8933	75	9.7420	3.088	3	0.028
1001-2000	59.7636	110	10.5769			
2001-3000	61.1935	31	10.8272			
>3000	68.4000	5	7.6354			

Daripada beberapa hipotesis yang dibangkitkan dalam kajian terdapat perkaitan yang menarik berhubung dengan hak kebebasan bersuara dan persepsi responden. Bagi hipotesis mengenai perbezaan di antara hak kebebasan bersuara dengan tahap pendapatan responden menampakkan satu perkaitan yang signifikan seperti dalam Jadual 4. Daripada jumlah purata atau min, lagi tinggi jumlah pendapatan maka lagi tinggi tuntutan responden atau penduduk Kedah terhadap hak kebebasan bersuara. Ada dua hujahan yang boleh dikemukakan di sini iaitu :

1. Golongan berpendapatan tinggi terutamanya yang melebihi RM3,000 sebulan tidak bimbang akan sebarang tekanan daripada

pemerintah termasuklah dengan pemberhentian kerja sekiranya berlaku. Di samping mereka mempunyai pendapat dan juga simpanan yang mencukupi untuk hidup, mereka juga ingin terlibat dengan proses pembuatan keputusan kerajaan yang menyebabkan mereka terdorong menuntut hak kebebasan bersuara yang lebih bagi diri mereka.

2. Meningkatnya golongan profesional di dalam negara yang mana mereka didedahkan dengan ilmu pengetahuan yang menyebabkan mereka terdorong untuk menuntut hak kebebasan bersuara yang lebih luas diimplimentasikan. Ini telah dibuktikan semenjak era penjajahan di Tanah Melayu lagi. Perkembangan arus nasionalisme negara berlaku dengan rancak pada dekad 1920-an dan 1930-an. Bertambahnya bilangan penuntut Melayu di sekolah Inggeris, Melayu, Arab, dan Pondok serta penubuhan maktab perguruan seperti Maktab Perguruan Sultan Idris pada tahun 1937 telah membawa kepada peningkatan kegiatan nasionalisme pada ketika itu (Khazin Tamrin & Nabir Abdullah 1996:331). Kini, golongan profesional di Malaysia juga memperlihatkan peningkatan daripada berjumlah 58,461 orang pada tahun 1995 kepada jumlah 71,843 orang pada tahun 1997 (Malaysia 1999).⁸ Pusat penggajian tinggi juga semakin bertambah daripada semasa ke semasa yang akan melahirkan ramai graduan profesional.⁹ Golongan profesional inilah juga yang menjadi pendokong 'Gerakan Reformasi' (Mohd Azizuddin Mohd Sani 2000:111-116). Oleh kerana tahap pendidikan mereka tinggi maka mereka juga terdedah kepada ilmu-ilmu Barat yang menyangkuti hal ehwal demokrasi dan hak asasi manusia.

Jadual 5
Parti yang Disokong/Disertai

	Min	N	Sisihan Piawai	F	d.f.	p
Barisan Nasional	57.0139	72	11.1841	6.649	2	.002
Pembangkang	65.5000	26	10.6930			
Tidak ada	59.1220	123	9.4223			

Persepsi responden terhadap hak kebebasan bersuara mengikut parti yang disokong atau disertai juga memperlihatkan perbezaan pendekatan. Para pendokong Barisan Nasional dan golongan 'atas pagar' mengambil sikap dingin ke atas hak kebebasan bersuara. Ini ditunjukkan oleh nilai min yang rendah, iaitu sebanyak 57.020 dan 59.122 seperti di dalam Jadual 5. Ini disebabkan terdapatnya sekatan

hak kebebasan bersuara melalui ISA, OSA, AMCP, Akta Hasutan, dan AUKU yang menyebabkan penduduk negeri Kedah bimbang akan dikenakan tindakan di bawah akta tadi sekiranya mereka bersuara lantang mengkritik kerajaan. Menurut Welsh (1996:888-900) yang membuat kajian berkenaan demokrasi di Malaysia mendapati secara keseluruhannya keadaan sebegini berlaku disebabkan oleh dua perkara iaitu sikap politik kaum dan dasar penguatkuasaan undang-undang kerajaan Malaysia yang membatasi kebebasan bersuara. Responden yang ditemubual sering menolak kebebasan bersuara dan menyokong kepada kemampuan tindakan kerajaan melalui tahanan tanpa bicara sekiranya amalan kebebasan bersuara akan menjejaskan kestabilan negara dan pembangunan masyarakat. Mereka tidak mahu pembangunan negara akan gagal hanya semata-mata kerana membenarkan kebebasan bersuara dibenarkan dan boleh menyebabkan negara berpecah-belah apabila hak tersebut disalahgunakan.

Sementara itu, pihak yang menyokong dan menyertai parti pembangkang sudah semestinya menyokong hak kebebasan bersuara kerana mereka kekurangan dari segi saluran penyampaian agenda dan matlamat politik melalui media dan ceramah yang telah dibatasi oleh pihak kerajaan, di mana responden yang menyokong parti pembangkang, nilai minnya lebih tinggi iaitu sebanyak 65.500. Ceramah telah diharamkan pada tahun 2001 dan pengedaran akhbar-akhbar parti politik seperti Harakah, Suara PRM, Rocket, dan Berita Keadilan hanya dibenarkan dua kali sebulan sahaja. Dokongan kepada hak kebebasan bersuara yang meluas oleh parti pembangkang jelas dilihat melalui Manifesto Bersama parti pembangkang ketika Pilihan Raya Umum ke-10 pada tahun 1999. Manifesto ini menuntut supaya diwujudkan sistem media massa yang tidak dibelenggu oleh pihak pemerintah dan memansuhkan akta-akta yang membatasi kebebasan bersuara seperti ISA, OSA, Akta Hasutan, AMCP, dan AUKU (Kamaruddin Jaffar 2000).

Jadual 6
Responden yang Menjadi AJK Parti Politik dan Persatuan

	Min	N	Sisihan Piawai	t	d.f.	P
Ya	61.2872	94	11.3200	2.610	219	0.010
Tidak	57.6299	127	9.4733			

Satu lagi perkara yang menarik ialah responden yang menjadi AJK parti politik dan persatuan menerima dan menganggap hak kebebasan bersuara adalah penting berbanding pihak yang tidak menjadi AJK

parti politik dan persatuan. Ini dilihat sebagai satu tuntutan semulajadi yang mana parti politik dan persatuan bercorak NGO jelas merupakan saluran rakyat menyampaikan pendapatnya kepada pihak tertinggi iaitu pemerintah. Ini ditunjukkan di dalam Jadual 6, di mana responden yang menjadi AJK parti politik dan persatuan, nilai minnya lebih tinggi berbanding responden yang tidak menjadi AJK parti politik dan persatuan. Oleh itu, semestinya hak kebebasan bersuara diperlukan bagi matlamat tadi dilaksanakan. Hipotesis ini selari dengan pandangan Chandra Muzaffar (1997:37) sebelum ini yang melihat golongan AJK parti politik dan persatuan sebagai golongan '*Opinion Makers*' yang bertanggungjawab dalam menyampaikan pendapat dan masalah rakyat supaya pihak pemerintah boleh mendapat maklumat berkenaan sesuatu situasi tersebut secara lebih jelas.

Jadual 7
Responden yang Mengetahui Undang-Undang tentang
Hak Kebebasan Bersuara

	Min	N	Sisihan Piawai	t	d.f.	P
Tahu	61.3684	76	10.2941	2.273	219	.024
Tidak	58.0414	145	0.5754			

Hipotesis memperlihatkan bahawa para responden yang tahu akan undang-undang hak kebebasan bersuara lebih menghendaki kepada amalan kebebasan bersuara berbanding para responden yang tidak tahu mengenai undang-undang kebebasan bersuara. Ini ditunjukkan dalam Jadual 7, di mana responden yang tahu undang-undang tentang hak kebebasan bersuara mempunyai min yang lebih tinggi berbanding dengan responden yang tidak tahu mengenai undang-undang hak kebebasan bersuara. Keputusan ini memperlihatkan bahawa mereka menyedari tentang kawalan kerajaan terhadap kebebasan bersuara melalui undang-undang. Oleh itu, mereka menuntut supaya amalan kebebasan bersuara dipertingkatkan. Tan Sri Musa Hitam (2001) selaku bekas Pengerusi Suhakam juga pernah menuntut supaya hak kebebasan bersuara melalui ceramah dan perhimpunan dibenarkan dan tidak disekat melalui undang-undang. Malah bagi Tan Sri Musa hak kebebasan bersuara penting bagi pembangunan negara. Tambah beliau lagi, sudah tiba masanya Malaysia mengubah cara pembentukan dasar-dasar pembangunan negara daripada bercirikan '*top-down*' kepada '*bottom-up*'. Beliau menambah bahawa cara '*top-down*' hanya sesuai bagi negara-negara kurang membangun dan sedang membangun. Namun Malaysia telah menjadi negara membangun atau maju dan seharusnya berubah kepada cara '*bottom-up*' yang memerlukan penyertaan rakyat dalam proses pembuatan keputusan

kerajaan. Desakan ke arah penggunaan cara 'bottom-up' dilihat mampu memberikan hak-hak kepada rakyat untuk sama-sama menentukan hala tuju negara serta menyumbangkan idea bagi kemajuan ekonomi dan pembangunan negara.

Ujian Korelasi Pearson telah dijalankan untuk menguji sama ada wujud hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah bebas seperti Kebebasan Media, Undang-Undang, Masyarakat Sivil, Kawalan Kerajaan dan Budaya Politik dengan pemboleh ubah bersandar, Hak Kebebasan bersuara. Kajian ini mendapati hubungan di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dijangkakan mempengaruhi hak kebebasan bersuara ditunjukkan dalam Jadual 8.

Jadual 8
Korelasi Pearson Pemboleh ubah-Pemboleh ubah Bebas
dengan Hak Kebebasan Bersuara

Gagasan / Pemboleh ubah Bebas	Korelasi Hak Kebebasan Bersuara
Kebebasan Media (M)	0.511*
Kawalan Undang-Undang(Uu)	-0.634*
Kawalan Kerajaan (K)	-0.377*
Masyarakat Sivil (Ms)	0.173*
Budaya Politik (Bp)	0.413*

* $p < 0.01$ -Korelasi signifikan pada aras keertian 0.01

Ujian korelasi menunjukkan bahawa kesemua pemboleh ubah bebas, iaitu M, UU, K, MS dan BP mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemboleh ubah bersandar, hak kebebasan bersuara (BS).

M, MS dan BP mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan BS manakala UU dan K mempunyai hubungan negatif/songsang yang signifikan dengan BS. Ini bermakna semakin nilai M, MS dan BP meningkat, nilai BS akan cenderung meningkat juga. Sebaliknya, jika nilai M, MS dan BP menurun, nilai BS akan cenderung menurun. Bagi responden yang menyetujui kebebasan media, keyakinan terhadap masyarakat sivil dan kemantapan budaya politik negara akan cenderung menyetujui kebebasan bersuara ($r = 0.511$, $p < 0.05$; $r = 0.173$, $p < 0.05$ dan $r = 0.413$, $p < 0.05$).

Dalam kes UU dan K, jika nilai UU dan K meningkat, nilai BS akan cenderung untuk menurun. Ini bermakna responden yang bersetuju tentang kawalan undang-undang yang ketat serta kawalan kerajaan yang ketat, mereka berkecenderungan untuk tidak bersetuju dengan

kebebasan bersuara. Sebaliknya responden yang tidak bersetuju dengan kawalan ketat undang-undang dan kerajaan ke atas hak kebebasan bersuara, mereka berkecenderungan untuk bersetuju dengan kebebasan bersuara ($r = -0.634$, $p < 0.05$ dan $r = -0.377$, $p < 0.05$).

Sebagai kesimpulannya, kita dapati bahawa hak kebebasan bersuara dipengaruhi oleh kawalan undang-undang, diikuti oleh media, budaya politik, kawalan kerajaan dan kebebasan media.

PERBINCANGAN

Media

Apabila persoalan mengenai wujud kebebasan media di Malaysia, rata-rata responden tidak pasti sekiranya dilihat daripada jumlah min iaitu 3.0920. Namun kesimpulan yang boleh dibuat ialah keseluruhannya responden tidak yakin wujudnya kebebasan media di Malaysia. Tidak wujudnya kebebasan media di Malaysia dipersetujui oleh kesemua tokoh yang telah ditemubual iaitu Tan Sri Musa Hitam, Datuk Zainuddin Maidin, Marzuki Yusoff, dan Lim Boon Tong. Malah Mokhtar Muhammad (2001:22) ada menjelaskan

"Complementing controls by the government through ownership and legislation is the idea that all aspects of information and entertainment in the Malaysia Press must be guided by the government. The rationale is that Malaysia, a newly emergent nation, needs time to develop; the mass media must provide this time by not touching upon sensitive issues by stressing positive and conversely ignoring negative societal characteristics".

Walau bagaimanapun setelah diadakan ujian korelasi, didapati bahawa para responden secara keseluruhannya mahukan kepada kebebasan media (0.511) diterapkan dan diamalkan sebagai salah satu elemen penting kebebasan bersuara. Yang jelas, kajian ini dilihat selari dengan kajian yang pernah dilakukan oleh Welsh (1996:894). Berdasarkan kajian beliau secara keseluruhannya, 86% responden menyokong kepada kebebasan akhbar atau media yang memperlihatkan kesinambungan tuntutan rakyat bagi tahun 1996 dan 2002.

Kawalan Undang-Undang

Para responden juga tidak pasti sama ada undang-undang bertindak mengawal dan membatasi hak kebebasan bersuara secara ketat

berdasarkan jumlah min 3.2914. Ini kerana hanya 76 orang (34.4%) yang mengetahui undang-undang yang berkaitan dengan kebebasan bersuara dan 145 (65.6%) yang lain tidak mengetahuinya. Yang pasti ialah terdapat undang-undang yang mengawal secara langsung kebebasan bersuara seperti ISA, OSA, Akta Hasutan, AMCP, dan AUKU. Kawalan undang-undang ini sememangnya diakui oleh Perdana Menteri Malaysia sendiri. Bagi Tun Mahathir undang-undang boleh dipengaruhi oleh budaya dan tamadun masyarakat masing-masing. Dr. Mahathir (1996b) menambah lagi bahawa

“Pada zaman dahulu undang-undang sengaja membezakan antara anggota masyarakat mengikut budaya dan pendapat di zaman berkenaan...Dapatlah kita lihat bahawa ‘rule of law’ tidak semestinya adil sepanjang masa. Apa yang dianggap pada satu zaman boleh dianggap tidak adil pada zaman yang lain. Walaupun konsep keadilan dikatakan ‘universal’, iaitu sama bagi semua manusia tetapi tafsiran dan taksiran tentang sesuatu perkara boleh berbeza”.

Oleh itu, tidak hairan Dr. Mahathir masih mengekalkan beberapa akta seperti ISA, OSA, Akta Hasutan, AMCP, dan AUKU yang dilihat oleh beliau sebagai usaha mengekalkan kestabilan negara kesan daripada pelbagai kaum, agama, kebudayaan, dan adat yang terdapat di Malaysia.

Namun jika dilihat daripada korelasi, para responden menolak adanya kawalan undang-undang yang ketat mengawal hak kebebasan bersuara (-0.634). Para responden dilihat seolah-olah meminta supaya dilonggarkan penguatkuasaan undang-undang tersebut dan memberi kebebasan kepada rakyat mengamalkannya hak kebebasan bersuara sebagaimana yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan di bawah Perkara 10. Malah dalam Islam, seluruh rakyat diberikan hak untuk mengeluarkan sebarang pendapat dan perasaan mereka dalam menyebarkan perkara-perkara ‘ma’ruf’ menghindari perkara yang ‘mungkar’. Islam melarang kebebasan bersuara yang berlawanan dengan ‘aqidah, syara’, dan akhlak. Allah s.w.t. berfirman :

“Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh (mengerjakan) yang ma’ruf, menegah dari yang mungkar, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat dan mereka taat kepada Allah s.w.t. dan Rasulnya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah, sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana”. (Al-Taubah, 9:71)

Memandangkan 87.8% responden terdiri daripada golongan Melayu-Islam, jadi pandangan tadi adalah relevan untuk diguna pakai.

Masyarakat Sipil

Para responden memberikan persetujuan bahawa kedudukan masyarakat sivil (NGO) di Malaysia adalah mantap berdasarkan jumlah min iaitu 3.7059. Jumlah ini disokong dengan kadar yang tinggi responden yang menyertai persatuan-persatuan yang merupakan pendokong utama masyarakat sivil iaitu sebanyak 145 orang (65.6%). Kadar ini juga disokong oleh jumlah responden yang mengikuti perkembangan politik semasa (178 orang atau 80.5%) dan pernah mengadu hal masyarakat kepada kerajaan (100 orang atau 45.2%) yang tinggi. Kedua-dua elemen ini penting kerana peka kepada situasi semasa dan bertindak menyuarakan permasalahan masyarakat adalah ciri penting dalam membentuk gerakan masyarakat sivil yang mantap. Dengan kata lain seperti kata Cohen dan Arato (1992:ix-x), peranan politik masyarakat sivil tidaklah mengaitkannya dengan matlamat untuk mendapatkan kuasa tetapi tidak lebih sebagai sebuah pertubuhan demokratik yang mempengaruhi atau menyedarkan masyarakat berkenaan pemerintahan sesebuah negara dan hak rakyatnya.

Daripada ujian korelasi, mendapati para responden kekal untuk mendokong peranan masyarakat sivil yang mantap (0.173). Lantas ini menjelaskan bahawa hak kebebasan bersuara berperanan penting dalam memantapkan peranan masyarakat sivil. Meskipun begitu, status masyarakat sivil yang bersuara sebagai kumpulan pendesak sering tergugat. Ini kerana Dr. Mahathir merasakan bahawa kegiatan badan-badan bukan kerajaan (*non-governmental organization* – NGO) atau kumpulan pendesak harus dipantau daripada berkemampuan bersaing dengan autoriti. Bagi beliau NGO atau kumpulan pendesak ini boleh mengakibatkan keadaan huru-hara yang memerlukan kegiatan kumpulan pendesak ini diawasi oleh kerajaan (Mahathir 1982:127).

Budaya Politik

Kajian mengenai budaya politik menunjukkan hasil dapatan yang amat menarik sekali. Secara keseluruhannya, para responden bersetuju bahawa budaya politik yang diamalkan di Malaysia ialah budaya politik demokrasi berasaskan kepada jumlah min 3.9668. Ini menarik kerana kebanyakan para sarjana melihat bahawa budaya politik di Malaysia ialah budaya politik neo-feudal (Chandra Muzaffar, 1999).

Apa yang dapat diperolehi di sini bahawa para responden mungkin tidak dapat membezakan di antara institusi demokrasi dan amalan demokrasi. Ini kerana Malaysia sememangnya mempunyai institusi demokrasi seperti eksekutif, legislatif, dan kehakiman di samping mempunyai Perlembagaan Persekutuan yang merupakan sumber undang-undang tertinggi negara. Dari segi amalan pula merujuk kepada proses-proses seperti keadilan pilihan raya dan hak asasi manusia yang menjadi pertikaian dalam menentukan status demokrasi (Huntington, 1993). Selain itu, responden juga dilihat terpengaruh untuk menolak budaya politik feudalisme atau bukan demokrasi kerana beranggapan bahawa sultan atau Yang Dipertuan Agong bukanlah pihak yang paling berkuasa di Malaysia. Ini dibuktikan melalui soal selidik bahawa 97 (43.9%) orang memilih Perdana Menteri sebagai orang yang paling berkuasa di Malaysia di samping 31 (14.0%) orang lagi memilih pihak kerajaan yang paling berkuasa. Hanya 21 (9.5%) orang sahaja yang memilih Yang Dipertuan Agong sebagai pihak yang paling berkuasa. Sungguhpun kedudukan raja dan sultan adalah berdaulat, namun raja dan sultan tidak mempunyai kuasa autokratik (Tun Mohamed Suffian Hashim 1987:54). Raja dan sultan hanya boleh bertindak menurut nasihat sama ada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di peringkat Negeri atau Jemaah Menteri bagi peringkat Persekutuan.

Walau bagaimanapun, ujian korelasi menunjukkan bahawa para responden menuntut kedudukan budaya politik demokrasi dan kebebasan bersuara juga meningkat (0.413). Ini menunjukkan bahawa para responden bukan sahaja mahukan budaya politik demokrasi ditegakkan melalui sistem institusi malah dari segi amalan juga dipertingkatkan. Kebebasan bersuara merupakan salah satu perkara penting bagi amalan budaya politik demokrasi. Keterbatasan kebebasan bersuara bermakna tidak wujud sistem budaya politik demokrasi. Dilihat dalam konteks Malaysia, jika dinafikan kebebasan bersuara yang terhasil ialah budaya politik feudalisme. Namun para penduduk Kedah menuntut kepada amalan kebebasan bersuara diperluaskan.

Kawalan Kerajaan

Para responden secara puratanya bersetuju bahawa terdapatnya kawalan ketat oleh kerajaan terhadap hak kebebasan bersuara (min 3.6221). Kawalan kerajaan ini dilihat bertujuan bagi mengukuhkan kedudukan parti pemerintah untuk terus menguasai kerajaan dan sekaligus memantapkan autoriti kerajaan. Dr. Mahathir (1996a:7-8) pernah menjelaskan :

"Negara-negara membangun boleh melakukan sesuatu melalui kerajaan yang lemah atau tiada kerajaan sekali pun. Namun negara-negara sedang membangun tidak dapat berfungsi sekiranya tanpa autoriti yang kuat daripada kerajaan. Kerajaan yang tidak stabil dan lemah akan menyebabkan berlakunya kekacauan, dan kekacauan tidak akan membawa pembangunan dan kemakmuran bagi negara-negara sedang membangun. Perpecahan politik akan menjejaskan masa dan minda setiap orang, seperti yang boleh dilihat di kebanyakan negara-negara sedang membangun masa kini".

Walaupun begitu, kekukuhan dan kekuatan autoriti tidaklah membawa kepada sebagaimana rejim Pol Pot di Kemboja, Stalin di Soviet Union, dan Adolf Hitler di Jerman. Namun autoriti yang kuat adalah penting untuk menjamin pembentukan pemerintahan yang bukan sahaja menjamin hak-hak individu terpelihara malah kewajipan ke atas masyarakat juga terpelihara.

Meskipun begitu, secara korelasinya para responden menolak adanya kawalan ketat kerajaan terhadap hak kebebasan bersuara (-0.377). Para responden dilihat memberi reaksi untuk menyeru kerajaan melonggarkan kawalannya ke atas hak kebebasan bersuara. Tuntutan rakyat terhadap amalan hak kebebasan bersuara yang meluas jugalah yang menyebabkan Suhakam melalui Laporan Tahunan 2001 mengambil pendekatan dengan menyeru kerajaan membenarkan demonstrasi dan ceramah politik oleh pihak parti pembangkang serta mencadangkan penilaian semula akta seperti ISA.

KETERBATASAN KAJIAN

Terdapat beberapa perkara yang dirasakan menyebabkan berlakunya kesukaran kepada kajian ini dilakukan iaitu pertama, kebimbangan responden. Responden dilihat berasa bimbang untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan kerana dianggap sensitif. Ini kerana soalan-soalan yang menyangkut peranan kerajaan dan undang-undang kontroversi seperti ISA yang dianggap sensitif oleh para responden terutamanya daripada kakitangan kerajaan yang ditemubual. Malah ada bakal responden yang tidak menjawab soal selidik itu setelah diterimanya kerana bimbangkan identiti mereka diketahui.

Kedua, tempoh masa yang terhad. Tempoh masa yang terbatas menyebabkan kajian ini hanya mampu ditumpukan kepada empat

kawasan sahaja dan tidak meliputi seluruh daerah di negeri Kedah. Kajian yang lebih meluas hanya boleh dilakukan dalam satu jangka masa yang panjang atau memiliki tenaga kerja yang ramai atau memiliki jumlah dana yang besar.

KESIMPULAN

Para responden secara keseluruhannya memberikan mesej bahawa hak kebebasan bersuara seharusnya dibenarkan untuk diamalkan di Malaysia. Ini menunjukkan bahawa penduduk negeri Kedah telah berubah untuk menuntut hak-hak baru yakni hak-hak politik di samping masih mengekalkan tuntutan lama yang bercorak keperluan asas seperti rumah, tanah, dan makanan-minuman. Pemerintahan ala Malaysia yang diperkenalkan oleh Dr. Mahathir jelas menunjukkan satu bentuk pemerintahan demokrasi mengikut acuan sendiri yang mengutamakan kestabilan politik, kemakmuran ekonomi, dan kemajuan negara di samping matlamat beliau untuk terus menerajui negara dalam meneruskan agenda-agenda beliau yang belum selesai. Namun begitu, rakyat mula berubah dan kerajaan harus menghadapi perubahan pemikiran dan tuntutan hak baru yang lebih demokratik yang secara tidak langsung dibentuk oleh kerajaan sendiri yakni pihak yang memerintah negara.

Kajian ini telah berjaya menunjukkan bahawa wujudnya kesedaran di kalangan penduduk negeri Kedah berkenaan betapa pentingnya hak kebebasan bersuara kepada mereka iaitu sebagai jaminan hak rakyat terpelihara. Secara keseluruhannya penduduk negeri Kedah sedar akan keterbatasan hak kebebasan bersuara khususnya melalui media, NGO, budaya politik, kawalan undang-undang, dan kawalan kerajaan. Jadi penduduk negeri Kedah memberikan tindak balas agar berlakunya perubahan kepada keterbatasan tersebut. Oleh itu, terdapat beberapa cadangan yang boleh dijadikan panduan untuk dikembangkan bagi kajian-kajian akan datang yakni yang menyangkut hal-hal berkaitan hak kebebasan bersuara. Selain itu, implikasi atau keterbatasan kajian juga akan ditinjau bagi membolehkan kajian ini diperbaiki pada masa akan datang.

NOTA AKHIR

- 1 Perjuangan revolusi Perancis melalui Perhimpunan Nasionalnya bertarikh 24 Ogos 1789 telah menghasilkan '*The Declaration of the Rights of Man and of the Citizens*' yang mana melalui Artikel 11 menyebut :

"The free communication of ideas and opinions is one of the most precious of the rights of man; every citizen can freely speak, write, and print, subject to responsibility for the abuse of this freedom in the cases determined by law"(Unesco 1969:200-204).

- 2 Kebebasan bersuara telah menjadi intipati bagi setiap resolusi atau deklarasi yang bersangkutan dengan hak asasi manusia sejagat mahupun serantau (Wan Abdul Manan Wan Muda 1996:77-78). Di dalam satu perisytiharan PBB berkenaan hak berpolitik pada tahun 1976, '*International Covenant on Civil and Political Rights*' melalui Artikel 19(1) dan (2) ada menyebutkan :
 "(1) *Everyone shall have the right to hold opinions without interference.*
 (2) *Everyone shall have right to freedom of expression; this right shall include freedom to seek, receive and impart information and ideas of all kinds, regardless of frontiers, either orally, in writing or in print, in the form of art, or through any other media of his choice*". Manakala pada tahun 1953 melalui '*European Convention on Human Rights*' berdasarkan Artikel 10(1) ada menjelaskan bahawa :
"Everyone has the right to freedom of expression. This right shall include freedom to hold opinions and to receive and impart information and ideas without interference by public authority and regardless of frontiers. This Article shall not prevent States from requiring the licensing of broadcasting, television or cinema enterprises".
- 3 Seperti kebiasaannya Sultan akan dikelilingi oleh pembesar-pembesar penting kerajaan iaitu Bendahara, Temenggung, Laksamana, Bendahari, Menteri (Setiausaha Negeri), dan Syahbandar. Namun dalam memperolehi nasihat berkenaan perjalanan negeri, para Sultan juga mendapatkan nasihat daripada pembesar-pembesar negeri yang lain. Misalnya di Pahang, Sultan Pahang bergantung penuh kepada empat orang penasihat yang terdiri daripada seorang orang kaya baru yang dinaikkan pangkat oleh Sultan, seorang India Tamil yang bertindak sebagai seorang bendahari dan pemungut hasil, seorang setiausaha Melayu yang mengetahui segala hal ehwal pentadbiran negeri, dan seorang Melayu Pahang yang tinggal lama di Negeri-Negeri Selat dan mengaku pakar dalam hal ehwal Eropah (Gullick 1978:74-75).
- 4 Namun begitu, kedudukan kuasa Sultan melalui pemerintahan Raja Berperlembagaan ini telah dihadkan oleh perlembagaan dan Sultan (Ketua Negara Malaysia adalah terdiri daripada kalangan

sembilan orang Sultan dari negeri Perlis, Kedah, Perak, Kelantan, Terengganu, Selangor, Pahang, Negeri Sembilan, dan Johor yang dipilih secara bergilir dan dikenali sebagai Yang Dipertuan Agong) hanya berperanan sebagai simbol taat setia rakyat dan penyatuan negara. Meskipun demikian, golongan bangsawan berperanan besar dalam menggerakkan arus politik negara di era Kemerdekaan 1957 apabila Perdana Menteri Malaya (Malaysia) yang pertama adalah terdiri daripada golongan bangsawan iaitu Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj.

- 5 Ini misalnya, Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata bahawa demonstrasi itu jelas melanggar AUKU dan berikutan itu tindakan akan diambil terhadap pelajar yang terbabit di dalam demonstrasi (Utusan Malaysia 1999:3). Ini kerana pada pandangan pihak kerajaan pada ketika itu, tindakan demonstrasi yang dilakukan adalah bertujuan untuk menjatuhkan kerajaan. Oleh itu, ugutan untuk dikenakan tindakan ke atas pelajar melalui AUKU adalah bertujuan untuk menghalang penglibatan pelajar daripada melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti politik yang boleh menjejaskan kedudukan pemerintah.
- 6 Sementara itu, dalam temu ramah beliau dengan CNN pada 2 September 1997, Perdana Menteri, Dr. Mahathir (1997:7) menjelaskan proses demokrasi yang diamalkan oleh Malaysia hanya berkait rapat dengan proses pilihan raya yang dipraktikkan lima tahun sekali: "There is a prinsipal of democracy in Malaysia. It is the people who choose the Government and we are here by virtue of their support. If they don't like us, they can throw us out. But they have shown their support for us in more ways than one and we think that (their support) is an evidence of democracy. The fact that some people disagree (a minority disagrees) does not mean that we are not democratic. We believe in democracy and we practise democracy".
- 7 Ketiga-tiga akhbar tadi iaitu *'The Star'*, *'Sin Chew Jit Poh'*, dan *'Watan'* telah dibenarkan beroperasi semula pada tahun 1988. Namun begitu, berlakunya rombakan besar ke atas anggota sidang pengarangnya supaya laporan-laporan yang dikemukakan akan memberi gambaran imej positif kepada kerajaan BN (Amnesty International 1999:27).
- 8 Golongan professional ini adalah meliputi ke semua kaum di Malaysia. Pekerjaan yang diambil kira di sini ialah akauntan,

arkitek, doktor, doktor gigi, pakar bedah veterinar, jurutera, juru ukur, dan peguam.

- 9 Pada tahun 1960-an hanya terdapat sebuah sahaja institusi pengajian tinggi awam iaitu Universiti Malaya. Kini pada tahun 2001, jumlah institusi pengajian tinggi awam telah meningkat kepada 9 buah iaitu Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Universiti Teknologi Mara, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Malaysia Sarawak, dan Universiti Malaysia Sabah. Ini tidak termasuk institusi pengajian tinggi swasta yang juga banyak di Malaysia.

RUJUKAN

- Amnesty International. (1999). *Malaysia : Human Rights Undermined - Restrictive Laws in a Parliamentary Democracy*. Laporan ASA 28/06/99.1 September. <http://www.amnesty.org/ailib/aipub/1999/ASA/32800699.htm>. (27 September 1999)
- Anastasi, A. (1984). *Psychological Testing*. New York: Macmillan Publishing.
- Baradat, L. P. (1997). *Political Ideologies : Their Origins and Impact*. (6 ed.). Upper Saddle River, New Jersey : Prentice Hall.
- Case, W. (1993). Semi-Democracy in Malaysia : Withstanding the Pressures for Regime Change. *Pacific Affairs*. 66 (2). Musim Panas. 183-205.
- Cheah Boon Kheng. (1999). From End of Slavery to the I.S.A. : Human Rights History in Malaysia. *Second International Malaysian Studies Conference*. 2-4 Ogos. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Chandra Muzaffar. (1986). *Freedom in Fetters*. Penang: Aliran Kesedaran Negara (ALIRAN).
- _____. (1989). *Challenges and Choices in Malaysian Politics and Society*. Penang: Aliran Kesedaran Negara (ALIRAN).
- _____. (1997). The Emergence of Civil Society in Malaysia : Role of State and Society. *Towards the Creation of a Civil Society*. MSRC (pnyl.). Kuala Lumpur : Malaysian Strategic Research Centre.
- _____. (1999). *Temubual : Masa Depan Politik Malaysia*. 5 Ogos. Kajang : Kolej New Era.
- Cohen, J. L. & Arato, A. (1992). *Civil Society and Political Theory*. Massachusetts: The MIT Press.
- Cronbach, L. J. (1990). *Essential of Psychological Testing*. (5th ed.). New York: Harper Collins Publishers.

- Crouch, H. (1996). *Government and Society in Malaysia*. New South Wales : Allen & Unwin.
- Dowrick, F. E. (1984). *Human Rights : Problems, Perspective and Texts*. Hampshire: Gower Pub. Co. Ltd.
- Gullick, J. M. (1978). *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*. (terj.). (ed. 2). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Huntington, S. P. (1993). *American Democracy in Relation to Asia. Democracy and Capitalism : Asian and American Perspectives*. Singapura : Institute of Southeast Asian Studies.
- Ismail Ibrahim. (2001). *Temubual : Universalisme dan Relativisme : Satu Kajian Perbandingan mengenai Hak Asasi Manusia di Malaysia*. 13 Oktober.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2001). *Laporan Kiraan Permulaan Banci Penduduk dan Perumahan 2000*. (<http://www.statistics.gov.my/Bahasa/prebanci2k.htm>)
- Jomo, K. S. (1996). Deepening Democracy with More Checks and Balances. *Malaysia: Critical Perspectives*. Muhammad Ikmal Said dan Zahid Emby (pnyt.). Petaling Jaya: Persatuan Sains Sosial Malaysia.
- Kamaruddin Jaffar. (2000). *Pilihanraya 1999 dan masa Depan Politik Malaysia*. Kuala Lumpur : IKDAS Sdn. Bhd.
- Khazin Tamrin & Nabir Abdullah. (1996). Imperialisme Barat dan Kesedaran Kebangsaan Masyarakat Tempatan. *Sejarah Perkembangan Tamadun Dunia*. Wan Abdul Rahman Latif(pnyt.). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kua Kia Soong. (1998). The Struggle for Human Rights in Malaysia. *Asia-Pacific Peoples' Assembly Human Rights Forum*. 9 November. Petaling Jaya: Suaram Komunikasi. http://is7.pacific.net.hk/~ahrchk/Malaysia_SOL_V91_1.htm. (1 Oktober 1999)
- Lim Boon Tong. (2001). *Temubual : Universalisme dan Relativisme : Satu Kajian Perbandingan mengenai Hak Asasi Manusia di Malaysia*. 18 Oktober.
- Locke, J. (1690). *The Second Treatise on Civil Government*. Cambridge: McPherson Publishing Company.
- Mahathir Mohamad. (1982). *Cabaran!*. (ed. 3). Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara.
- _____. (1996a). Keynote Address. *Human Wrongs : Reflections on Western Global Dominance and its Impact Upon Human Rights*. JUST(pnyt.), Pulau Pinang : Just World Trust(JUST).
- _____. (1996b). *Demokrasi Amalan Kita*. Kuala Lumpur : Jabatan Penerangan Malaysia.
- _____. (1997). *Mahathir's Views*. November. Kuala Lumpur : Jabatan Penerangan Malaysia.
- _____. (1999). *A New Deal For Asia*. Selangor : Pelanduk Publications.

- Malaysia. (1999). *Mid-Term Review of the Seventh Malaysia Plan 1996-2000*. Kuala Lumpur : Percetakan Nasional Berhad.
- Marzuki Yusoff. (2001). *Temubual : Universalisme dan Relativisme : Satu Kajian Perbandingan mengenai Hak Asasi Manusia di Malaysia*. 13 Oktober.
- Mauzy, D. K. (1997). The Human Rights and 'Asian Values' debate in Southeast Asia: Trying to clarify the key issues. *The Pacific Review*. 10 (2), 210-236.
- Mendes, E. P. (1994). *Asian Values and Human Rights : Letting The Tigers Free*. Ottawa: Human Rights Research and Education Centre, University of Ottawa. http://www.uottawa.ca/hrrec/publicat/asian_values.html. (30 September 1999)
- Mohd Azizuddin Mohd Sani. (2000). *Kebebasan Mengeluarkan Pendapat di Malaysia*. Tesis Ijazah Sarjana (Tidak Diterbitkan). Bangi : Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mokhtar Muhammad. (2001). The Development of the Press in Malaysia. *Sasaran*. Bil. 40. Jun.
- Musa Hitam. (2001). *Temubual : Universalisme dan Relativisme : Satu Kajian Perbandingan mengenai Hak Asasi Manusia di Malaysia*. 7 Ogos. Kuala Lumpur: Menara CitiBank.
- Nunnally, J. C. (1972). *Educational Measurement and Evaluation* (2nd ed.) New York: McGraw Hill.
- Perlembagaan Persekutuan. (1999). Lembaga Penyelidikan Undang-Undang (pnys.). 1 Januari. Kuala Lumpur : International Law Book Services.
- Robison, R. (1996). The politics of 'Asian values'. *The Pacific Review*. 9 (3), 305-327.
- Rogers, T. B. (1995). *The Psychological Testing Enterprise: An Introduction*. Pasific Grove: Brooks and Cole Publications.
- Roscoe, J. T. (1975). *Fundamental Research Statistics for The Behavior Sciences*. (2nd ed). New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Saliha Haji Hassan. (2001). *Temubual : Universalisme dan Relativisme : Satu Kajian Perbandingan mengenai Hak Asasi Manusia di Malaysia*. 8 Ogos. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sekaran, U. (1992). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*. (2nd ed.). New York: John Wiley & Sons.
- Susser, B. (1995). *Political Ideology in the Modern World*. Boston : Allyn and Bacon.
- Syed Hamid Albar. (2001). *Temubual : Universalisme dan Relativisme : Satu Kajian Perbandingan mengenai Hak Asasi Manusia di Malaysia*. 12 Ogos. Sintok : Pusat Konvensyen, Universiti Utara Malaysia.
- Tun Mohamed Suffian Hashim. (1987). *Mengenal Perlembagaan Malaysia*. Abdul Majid Abdul Latif dan Ridzuan Omar (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Uhlin, A. (1999). *Temubual : Human Rights*. 18 November. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Unesco. (1969). *Birthright of Man*. Hersch, J.(pnyt.). Paris : Unesco.
- Utusan Malaysia*. (1999). 9 Oktober.
- Wan Abdul Manan Wan Muda. (1996). Keadilan Sosial dan Kebebasan Bersuara Rukun Negara Maju. *Keadilan Sosial*. Azizan Bahari dan Chandra Muzaffar(pnyt). Kuala Lumpur : Institut Kajian Dasar(IKD).
- World Youth Foundation. (1999). *Human Rights : Views of Dr. Mahathir Mohamad*. Melaka : World Youth Foundation.
- Welsh, B. (1996). Attitudes Toward Democracy in Malaysia : Challenges to the Regime? *Asian Survey*. Vol. XXXVI, No. 9, September. 882-903.
- Zainuddin Maidin. (2001). *Temubual : Universalisme dan Relativisme : Satu Kajian Perbandingan mengenai Hak Asasi Manusia di Malaysia*. 11 Jun. Sintok : Pusat Konvensyen, Universiti Utara Malaysia.